



# BANJIR

MAJLIS



[ FOTO OMAR OSMAN/BH ]



21/9/16  
News

Anggota Pertahanan Awam meninjau kawasan berlaku air pasang besar sekitar pantai Kampung Sungai Meriam, Kota Kuala Muda semalam.

# Kerajaan Selangor digesa atasi banjir

➔ Benteng pecah akibat air pasang besar perlu diperkukuh

Oleh Rafidah Mat Ruzki, Suzalina Halid, Omar Osman, Nor Farhani Che Ad, Norzamira Che Noh, Abu Bakar Al Sidek, Noor Hidayah Tanzizi dan Nor Raidah Awang  
bhnews@bh.com.my

## ► Shah Alam

**K**erjasama kerajaan negeri amat diperlukan bagi mengatasi masalah banjir di Selangor yang berpunca daripada fenomena air pasang besar.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar, berkata pihaknya dimaklumkan ada beberapa benteng pecah yang mengakibatkan air laut melimpah ke kawasan sekitar hingga menyebabkan banjir.

Justeru, beliau berharap Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengkaji cara menambah baik benteng yang dibina di pesisiran pantai Selangor bagi mengelak masalah itu berulang.

“Saya akan bawa perkara ini ke Kabinet untuk lihat kaedah menambak baik ban (benteng) dan kita harap kerajaan negeri akan beri kerjasama untuk kebajikan penduduk Selangor, khususnya mereka yang tinggal di pesisir pantai,” katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-39 Pertubuhan Peladang Negeri Selangor 2016 di sini, malam kelmarin.

Yang turut hadir, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Tan Sri Zainal Dahalan; Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Selangor, Jakiran Jacomah dan Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Datuk Seri Dr Irmo-hizam Ibrahim.

## Alami banjir kilat

Noh yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Selangor berkata, beliau sudah mengarahkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan berikutan beberapa kawasan di lima daerah di

negeri itu mengalami banjir kilat.

Di **Sungai Petani**, BERNAMA melaporkan ban sepanjang enam kilometer di kawasan pesisir pantai berhampiran Kampung Paya, Kota Kuala Muda di sini, perlu dinaik taraf bagi menghalang limpahan air pasang.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga Kedah, Datuk Badrol Hisham Hashim, berkata ban sedia ada rosak kerana hakisan ombak.

“Perkara ini kritikal bagi mengelak banjir akibat air pasang,” katanya selepas melawat mangsa banjir di pusat pemindahan di Dewan Kampung Paya di sini, semalam.

Beliau berkata, kerosakan ban turut menjejaskan sumber pendapatan penduduk terutama pesawah kerana sawah dimasuki air laut.

“Projek menaik taraf ban berkenaan dijangka memerlukan peruntukan RM16 juta,” katanya.



LUNIT RUJUKAN DAN  
DITERIMA  
20 SEP 2016  
U.R.D  
M.B.P.J.

# → BANJIR

[ FOTO INTAN NUR ELLIANA ZAKARIA/BH ]

Info

## Fenomena air pasang besar



- Setiap bulan, fenomena air pasang akan berlaku pada awal bulan dalam kalendar Islam iaitu ketika bulan baharu muncul di mana bumi, bulan dan matahari berada pada kedudukan sejajar.
- Pada pertengahan bulan iaitu antara 14 hingga 16 hari bulan dalam kalendar Islam iaitu ketika bulan mengambang di mana bulan, bumi dan matahari berada pada kedudukan sejajar, air pasang besar akan berlaku sekali lagi.
- Tarikan graviti yang lebih kuat itu sekali gus menyebabkan paras air laut meningkat dan kadang kala melimpah hingga ke tebing sungai, lalu menyukarkan pengaliran air sungai yang sepatutnya masuk ke laut pada masa tertentu.
- Semasa kemuncak air pasang besar, paras laut di sepanjang kawasan pantai negeri di Pantai Timur boleh mencecah sekitar tiga hingga empat meter, manakala di Pantai Barat Sarawak mencecah sehingga 4.5 hingga 5.5 meter.



**Sebahagian mangsa banjir akibat** fenomena air pasang besar yang ditempatkan di pusat pemindahan di Dewan Kampung Tok Muda, Kapar, semalam.

[ FOTO INTAN NUR ELLIANA ZAKARIA/BH ]



Info

## Fenomena air pasang besar di Kedah

[ FOTO HASSAN OMAR/BH ]



Ali Abu Bakar (kanan) dan Arba Seman memindahkan jaring yang rosak akibat air pasang besar di Pantai Pangkalan Balak, Masjid Tanah.

[ FOTO FAIZ ANUAR/BH ]



Orang ramai meredah banjir di sekitar Terminal Penumpang South Port, Pelabuhan Klang, semalam.



Mohd Huzaimi (kanan) bersama saudaranya membersihkan perabot yang ditenggelami lumpur di Kampung Padang Gafram, Kuala Kedah, semalam.

# 1,057 pindah di tiga negeri

**Kuala Lumpur:** Seramai 1,057 mangsa banjir masih berada di pusat pemindahan berikutan fenomena air pasang besar yang melanda tiga negeri di Pantai Barat Semenanjung sejak Sabtu lalu.

Mangsa banjir paling ramai dipindahkan ialah di Kedah, iaitu 769 orang, diikuti Selangor (221) dan Perak (67).

Di **Sungai Petani**, seramai 769 mangsa daripada 195 keluarga dipindahkan di sekitar daerah Kuala Muda, selepas kawasan kediaman masing-masing digenangi air.

Mangsa dipindahkan mulai jam 3 pagi semalam ke lima pusat pemindahan, iaitu dua di Mukim Kuala/Haji Kudong, manakala tiga lagi di Mukim Bukit Meriam.

Antara dipindahkan ialah 200 penduduk Kampung Sungai Pial, Tanjung Dawai, yang pertama kali berdepan limpahan air laut, dipercayai berpunca daripada kehilangan kira-kira 20 hektar hutan paya bakau yang sebelum ini bertindak sebagai penghadang.

Perkara itu diakui Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Dawai, Datuk Tajul Urus Mat Zain,

sekali gus meminta aktiviti penerokaan paya bakau untuk dijadikan tanah sawah itu disiasat dan tindakan diambil bagi mengelak insiden berulang sehingga menjejaskan penduduk.

Sementara itu, tinjauan mendapati lebih 200 nelayan berpangkalan di Pelantar Ikan Kampung Seberang Kota, terpaksa kembali ke darat selepas usaha keluar ke laut gagal.

## Tiga pusat pemindahan dibuka

Di **Shah Alam**, Penolong Pengarah Operasi Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd Sani Harul, berkata sebanyak tiga pusat pemindahan dibuka, iaitu di Kampung Tok Muda, Kapar, yang menempatkan 152 mangsa; Kampung Tok Adam, Tanjung Karang (15) dan Kampung Sungai Air Tawar, Sabak Bernam (54).

Katanya, beberapa kawasan lain turut terjejas tetapi tiada pemindahan dijalankan.

"Kawasan berkenaan ialah Kampung Sungai Pinang, Pulau Indah, Jalan Klang-Banting, Pendamaran, Taman Selat Damai, Pelabuhan Klang, Bagan Pasir Penambang, Tebuk Mendeleng dan Sungai Lang," katanya.

- Lebih 8,000 nelayan terjejas
- 20 rumah dimasuki air di Kuala Kedah
- 769 mangsa dipindahkan di Kuala Muda
- Ombak besar setinggi 3 hingga 3.5 meter
- 200 nelayan keluar ke laut berpatah balik akibat laut bergelora

Di **Ipoh**, fenomena air pasang besar sehingga mengakibatkan banjir kilat di kawasan pesisiran pantai dan sungai di beberapa tempat di daerah Bagan Datoh dan Manjung sejak kelmarin, turut melanda daerah Kerian.

Setakat jam 6.30 petang semalam, seramai 67 orang di Bagan Panchor, Pantai Remis, dalam daerah Manjung, ditempatkan di pusat pemindahan di Dewan Orang Ramai Kampung Panchor, manakala seramai 15 orang lagi di Sekolah Kebangsaan Tapak Semenang, Bagan Datoh.

Sementara itu, BERNAMA melaporkan, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau, berkata angin barat daya dengan kelajuan 40-50 kilometer sejam dan ombak besar mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dijangka berlaku di kawasan perairan Phuket, iaitu kawasan barat laut Semenanjung sehingga hari ini.

Beliau juga menasihatkan penduduk di kawasan berhampiran pantai supaya mengambil langkah berjaga-jaga dan sentiasa mengikut perkembangan cuaca semasa.